

MESEJ BERKAITAN PENJAGAAN KESIHATAN SEMASA CUACA PANAS:

CATUAN AIR:

Orang awam dinasihati menjaga kebersihan dan keselamatan kesihatan mereka semasa catuan air dilaksanakan:

- Simpan air dalam bekas yang bersih. Tutup bekas-bekas tersebut untuk mengelakkan pencemaran
- Sentiasa minum air yang telah dimasak atau air/minuman yang telah dibotolkan

- Pastikan air dimasak terlebih dahulu sebelum digunakan untuk menyediakan makanan/susu bayi
- Sentiasa makan makanan yang telah dimasak dengan sempurna
- Jika bekalan air terputus, anda boleh menggunakan bahan pencuci tangan (hand sanitiser) atau tisu basah (wet sanitary swipes) untuk mencuci tangan, terutamanya:
 - Sebelum menyediakan makanan,
 - Sebelum makan
 - Selepas menggunakan tandas
 - Selepas menukar lampin
 - Selepas mengendali sampah



- Elakkan menyimpan air bagi tempoh lebih daripada 7 hari. Jika terpaksa, anda dinasihatkan membubuh bahan pembunuh jentik-jentik (contohnya, ABATE)
- Tutup bekas dengan rapi untuk mengelakkan nyamuk Aedes bertelur dan membiak

